

29/05/1997

Perasaan berbaaur diumumkan menteri

KUALA LUMPUR, Rabu - Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata perasaannya bercampur baur antara gembira dan terharu apabila diberitahu mengenai pelantikannya sebagai menteri penuh.

Menurutnya, beliau dimaklumkan mengenai pelantikannya sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Isnin lalu.

"Saya terhutang budi dan terharu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar atas keyakinan mereka terhadap saya.

"Saya sudah menjadi `orang keselamatan' sejak 11 tahun lalu. Hendak membabitkan diri dalam ekonomi dan mencegah inflasi, pendekatannya mungkin berbeza, jadi saya kena kaji dan belajar sebelum mengorak langkah.

"Ketika berada di Kementerian Dalam Negeri, saya anggap saya baru memasuki darjah satu ketika memulakan tugas pada 1986 dan sekarang selepas 11 tahun, saya sudah lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya.

Megat Junid menggantikan Datuk Abu Hassan Omar dalam satu rombakan kecil Kabinet yang diumumkan Anwar hari ini.

Bercakap kepada pemberita di pejabatnya di sini, beliau bagaimanapun berkata selepas menjadi timbalan menteri paling lama dalam Kabinet, beliau menganggap pertukaran berkenaan adalah perkara biasa.

(END)